

NO. SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)

SOALAN:

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sistem pengajian pondok adalah antara sistem pengajian Agama Islam tertua yang banyak menghasilkan pelajar-pelajar yang celik agama. Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk membantu mengekalkan sistem tersebut.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua institusi pendidikan agama termasuk institusi pengajian pondok yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah perlu berdaftar dan tertakluk kepada Enakmen

Kawalan Sekolah-Sekolah Agama negeri berkenaan. Ini adalah selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah dibawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri. Sehingga Mac 2015 terdapat sebanyak 116 buah pondok yang telah berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri/Majlis Agama Islam Negeri (JAIN/MAIN) di seluruh negara.

Dalam usaha mengekalkan sistem pengajian pondok, Kerajaan telah menyediakan inisiatif berikut :

- i. menggalakkan sekolah pondok berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Antara kebaikan berdaftar sebagai SABK ialah menerima bantuan bagi urusan pentadbiran sekolah, menerima bantuan modal bagi pembangunan fizikal sekolah, jawatan hakiki guru diwujudkan serta menerima guru yang terlatih; dan
- ii. mewujudkan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) percuma bagi sekolah-sekolah pondok yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang berdaftar dengan JAIN/MAIN.

Sekian, terima kasih.